

20/12/1997

Pekerja gigih bersihkan lanskap

INDAH ... pekerja Jabatan Taman dan Rekreasi Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (MPKT), Abdul Rahman Ismail, 40, tekun membersihkan kawasan lanskap di tepi Jalan Sultan Mahmud, Kuala Terengganu.

Bandar Kuala Terengganu kini dihiasi lanskap menarik dengan tanaman pelbagai jenis bunga bagi mencantikkan kawasan sekitar bandar ini.

Hasrat MPKT menjadikan bandar Kuala Terengganu, bandar dalam taman hampir tercapai apabila terpilih sebagai johan pertandingan bersih dan indah penguasa tempatan peringkat kebangsaan, baru-baru ini.

Selain itu, bagi menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, MPKT akan menanam banyak pokok teduhan dan setakat ini 23,000 pelbagai jenis pokok ditanam dalam kawasan majlis itu.

(END)